



GREAT Critical Care Relief¹

Mencapai Kejayaan dengan perlindungan pelan
yang menyediakan penjagaan kritikal penting



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Mencapai Kejayaan dengan perlindungan pelan yang menyediakan penjagaan kritikal penting

Kebanyakan daripada kita tahu bagaimana jika didiagnosis dengan penyakit kritikal boleh menjejaskan kehidupan. Namun, kita juga cenderung untuk tidak memikirkan kemungkinan perkara ini boleh berlaku sehinggalah ia benar-benar terjadi. Bertindak sekarang untuk melindungi diri kita daripada keadaan yang menjejaskan kehidupan bagi masa depan yang lebih selamat dan terjamin.

Sama ada anda sedang mencari pelan penyakit kritikal pertama anda atau menambah perlindungan yang anda miliki sekarang, GREAT Critical Care Relief menyediakan anda perlindungan penting yang diperlukan. Pelan ini melindungi anda terhadap lima penyakit kritikal yang lazim – kanser, serangan jantung, strok, kegagalan buah pinggang dan penyakit arteri koronari lain yang serius.

Bagi mempersiapkan anda terhadap sebarang kemungkinan, anda juga dilindungi bagi kemasukan hospital dan Unit Rawatan Rapi ("ICU") seperti dinyatakan di bawah, termasuklah sebarang penyakit yang tidak diketahui, yang mungkin muncul pada masa hadapan. Manfaat matang akan dibayar pada akhir tempoh polisi anda; serta bayaran sekali gus untuk membantu mengurangkan kesan kewangan akibat kematian yang tidak dijangka.

Dengan bayaran sekali gus sebagai sokongan, ia boleh mengurangkan kerisauan berkaitan keadaan kewangan sekiranya anda jatuh sakit. Ia bermakna anda boleh memberi tumpuan sepenuhnya pada perkara yang paling penting – untuk pulih semula. Mencapai Kejayaan dengan GREAT Critical Care Relief hari ini dan dapatkan perlindungan penting yang anda perlukan.



Manfaat sepintas lalu



**Perlindungan bagi 5
penyakit kritikal
yang lazim**



**Perlindungan
kejadian kemasukan
hospital**



**Sokongan kewangan
untuk orang tersayang**



**Pembayaran balik premium
keseluruhan yang telah dibayar
atau lebih, apabila polisi matang**

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan bagi 5 penyakit kritikal yang lazim

Kanser, serangan jantung, strok, kegagalan buah pinggang dan penyakit arteri koronari lain yang serius merupakan 5 penyakit kritikal yang boleh menjejaskan kehidupan anda. Jika anda didiagnosis dengan mana-mana penyakit ini, GREAT Critical Care Relief akan membantu untuk melindungi anda daripada kesan kewangan akibat keadaan ini. Anda akan menerima mana yang lebih tinggi daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah dalam satu jumlah sekali gus, bagi meringankan beban kewangan keluarga dan membantu anda memberi tumpuan untuk pulih semula.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan kejadian kemasukan hospital

Sekiranya anda perlu dimasukkan ke hospital, GREAT Critical Care Relief akan memberikan anda perlindungan yang diperlukan termasuklah sebarang penyakit yang tidak diketahui yang mungkin timbul pada masa hadapan. Jika anda disahkan mengalami sebarang keadaan kemasukan hospital yang dilindungi di bawah, anda akan menerima mana yang lebih tinggi daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah, dalam satu jumlah sekali gus.

No.	Perlindungan Kemasukan Hospital
1	Kemasukan Hospital Berpanjangan berserta Pembedahan Utama untuk sekurang-kurangnya 21 hari berturut-turut
2	Kemasukan Unit Rawatan Rapi untuk sekurang-kurangnya 7 hari berturut-turut

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Sokongan kewangan untuk orang tersayang

Apa sahaja boleh berlaku dalam hidup, oleh itu, GREAT Critical Care Relief akan menyediakan jaringan keselamatan kewangan untuk orang tersayang anda sekiranya kematian berlaku. Keluarga anda akan menerima Manfaat Kematian, mana yang lebih tinggi daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah, dalam satu jumlah sekali gus.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Pembayaran balik premium keseluruhan yang telah dibayar atau lebih, apabila polisi matang

Raikan kehidupan sehingga ulang tahun polisi apabila berumur 80 tahun hari jadi berikut, pelan akan matang dan anda akan menerima mana yang lebih tinggi daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah, dalam satu jumlah sekali gus.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Jadual Kadar Premium Tahunan

Umur Hari Jadi Berikut	Bagi Setiap RM1,000 Jumlah Asurans (RM)			
	Lelaki		Wanita	
	Tidak Merokok	Merokok	Tidak Merokok	Merokok
1	10.80	10.80	10.10	10.10
2	10.80	10.80	10.10	10.10
3	10.90	10.90	10.20	10.20
4	10.90	10.90	10.20	10.20
5	11.00	11.00	10.30	10.30
6	11.60	11.60	10.80	10.80
7	11.60	11.60	10.80	10.80
8	12.00	12.00	11.20	11.20
9	12.10	12.10	11.30	11.30
10	12.80	12.80	11.80	11.80
11	13.30	13.30	12.30	12.30
12	13.90	13.90	13.00	13.00
13	14.60	14.60	13.90	13.90
14	15.40	15.40	14.60	14.60
15	16.00	16.00	15.30	15.30
16	16.20	16.20	16.00	16.00
17	17.00	20.20	16.30	19.40
18	17.60	20.80	16.90	20.10
19	18.10	21.60	17.50	20.70
20	18.80	22.30	18.00	21.50
21	19.50	23.20	18.80	22.40
22	20.20	24.10	19.40	23.20
23	20.80	25.10	20.10	24.10
24	21.60	26.00	20.70	25.00
25	22.30	26.90	21.50	25.90
26	23.20	28.10	22.40	27.00
27	24.10	29.30	23.20	28.20
28	25.10	30.60	24.10	29.40
29	26.00	31.70	25.00	30.60
30	26.90	33.00	25.90	31.70
31	28.10	34.60	27.00	33.30
32	29.30	36.20	28.20	34.90
33	30.60	37.80	29.40	36.40
34	31.70	39.50	30.60	37.90
35	33.00	41.10	31.70	39.50
36	34.60	43.20	33.30	41.60
37	36.20	45.40	34.90	43.70
38	37.80	47.70	36.40	45.80
39	39.50	49.80	37.90	47.80
40	41.10	52.00	39.50	50.00

Jadual Kadar Premium Tahunan

Umur Hari Jadi Berikut	Bagi Setiap RM1,000 Jumlah Asurans (RM)			
	Lelaki		Wanita	
	Tidak Merokok	Merokok	Tidak Merokok	Merokok
41	43.20	55.70	41.60	53.10
42	45.40	59.40	43.70	56.20
43	47.70	63.00	45.80	59.30
44	49.80	66.60	47.80	62.40
45	52.00	70.30	50.00	65.50
46	55.70	76.90	53.10	71.60
47	59.40	83.50	56.20	77.70
48	63.00	90.00	59.30	83.70
49	66.60	96.50	62.40	89.90
50	70.30	103.10	65.50	96.00
51	76.70	109.80	71.60	103.00
52	83.60	116.40	77.70	110.00
53	91.10	122.70	83.70	117.00
54	99.30	133.10	90.80	124.00
55	108.20	144.00	100.60	131.00
56	122.30	162.00	113.70	145.80
57	138.20	184.00	128.50	165.60
58	156.10	210.00	145.20	189.00
59	176.40	240.00	164.10	216.00
60	199.30	270.70	185.40	243.70

Kadar premium adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan kadar premium, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi anda dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum semakan dilakukan. Semakan semula, jika ada, akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan untuk semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Umur kemasukan minimum ialah mencapai umur 14 hari dan umur kemasukan maksimum ialah 60 tahun hari jadi berikut.

S: Berapakah jumlah asurans yang boleh dibeli?

J: Jumlah asurans minimum bagi pelan ini ialah RM50,000 dan jumlah asurans maksimum ialah RM400,000 bagi setiap hayat, tertakluk pada keperluan penaja jaminan.

S: Apakah pengecualian di bawah pelan ini?

- J: i) Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- ii) Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang manfaat kejadian kemasukan hospital jika keadaan atau tanda dan gejala yang berkaitan dengan kejadian kemasukan hospital:
- sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian;
 - sedia wujud sebelum tempoh menunggu selama 60 hari kecuali akibat kemalangan; atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat;
 - disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada kecederaan yang dilakukan sendiri, penyakit atau percubaan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras;
 - disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan;
 - disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang;
 - disebabkan peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau pengganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
 - disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV), kecuali jangkitan HIV melalui transfusi darah dan HIV dijangkiti melalui pekerjaan;
 - disebabkan gangguan psikologi, kecelaruan personaliti, keadaan mental atau gangguan tingkah laku, termasuk sebarang ketagihan atau kebergantungan yang timbul akibat daripada gangguan tersebut, yang termasuk serta tidak terhad pada ketagihan judi atau permainan;
 - disebabkan penyalahgunaan alkohol atau dadah;
 - disebabkan rawatan yang bertujuan untuk memperbaiki penampilan, seperti pembedahan kosmetik atau sebarang rawatan yang berkaitan dengan rawatan kosmetik terdahulu;
 - disebabkan rawatan yang telah dilakukan di luar negara kecuali rawatan yang dilakukan di Malaysia, Singapura dan Brunei;
 - disebabkan kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan yang berkaitan ketidaksuburan. Ketidakefungsian erektile dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan;
 - disebabkan rawatan untuk penyakit akibat hubungan seks;
 - disebabkan pembedahan tukar jantina;
 - disebabkan perubatan percubaan atau perubatan perintis atau teknik pembedahan, alatan perubatan yang tidak diluluskan dan ujian perubatan bagi produk perubatan sama ada percubaan tersebut mempunyai sijil ujian klinikal atau tidak;
 - disebabkan rawatan alternatif atau pelengkap termasuk perubatan tradisional Cina (TCM) atau menetap di mana-mana pusat pertubuhan kesihatan bagi tujuan sosial atau bukan perubatan;
 - disebabkan radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear; atau
 - telah didiagnosis secara langsung atau tidak langsung, kecacatan atau penyakit kongenital, yang menunjukkan atau telah didiagnosis sebelum hayat yang diasuranskan mencapai umur 17 tahun hari jadi berikut.
- iii) Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang manfaat penyakit kritikal jika keadaan atau tanda dan gejala berkaitan dengan penyakit kritikal:
- sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian;
 - sedia wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu selama 30 hari atau 60 hari (bergantung pada jenis penyakit kritikal);

- sedia wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat;
- disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras;
- disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan;
- disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan;
- disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan HIV;
- disebabkan secara langsung akibat penyalahgunaan alkohol atau dadah; atau
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Nota: Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran premium?

J: Anda boleh bayar menggunakan perbankan internet, kad kredit, JomPAY, GIRO, ePAY atau tunai/cek melalui Bank Pemungut (menerusi kaunter bayaran, ATM dan mesin deposit cek). Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan, bergantung pada kelulusan daripada Syarikat. Namun, tunai dan cek tidak dibenarkan bagi bayaran secara bulanan.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada GREAT Critical Care Relief tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Notis penting

GREAT Critical Care Relief ialah pelan seumur hidup tanpa penyertaan dalam keuntungan yang menawarkan perlindungan insurans kepada hayat yang diasuranskan sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut. Premium hendaklah dibayar sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut atau sehingga tuntutan telah dibuat atau sehingga penamatan polisi, mana yang berlaku dahulu.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada Syarikat dalam tempoh ini, premium penuh akan dibayar balik kepada pemilik polisi ditolak dengan perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada. Jika anda menukar polisi dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Polisi mungkin tidak mempunyai nilai tunai minimum yang dijamin semasa penamatan sehingga anda telah membayar premium selama dua tahun. Jika anda menyerahkan polisi anda lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar. Jika anda berhenti membayar premium sebelum tempoh akhir pembayaran premium, pinjaman premium automatik akan berkuat kuasa di bawah polisi anda untuk membayar premium pada masa depan asalkan nilai tunai melebihi jumlah hutang. Syarikat akan mengenakan faedah bagi pinjaman di atas pada kadar faedah yang akan ditentukan Syarikat dari semasa ke semasa. Kadar faedah semasa boleh didapati melalui laman sesawang Syarikat. Pemberhentian pembayaran premium sebelum tempoh akhir pembayaran premium mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan lebih awal.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk ilustrasi jualan, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma Great Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma Great Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma Great Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma Great Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma Great Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ **03-4259 8888**

☎ **03-4259 8000**

✉ **wecare-my@greateasternlife.com**

🖱 **www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk mendapatkan maklumat hubungan yang terkini, sila layari laman sesawang Syarikat.